

keusahawanan

Pelajar PSA menang rancangan perniagaan

Program 3KBN@UMT 2017

→ Bertujuan melahirkan belia yang memiliki kemahiran, bersifat keusahawanan dan berdaya saing secara sihat dalam kerjaya

Oleh Meor Ahmad
Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Dua produk dihasilkan pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) memenangi Pertandingan Rancangan Perniagaan pada Karnival Keusahawanan, Kerjaya dan Kemahiran Belia Negara (3KBN) 2017, baru-baru ini.

Pada program anjuran Kelab Usahaniaga, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) itu, produk Press Satay Millennium dan Nail Puncher masing-masing meraih tempat kedua serta ketiga.

Produk Press Satay Millennium dihasilkan

oleh dua pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, Nurul Nabilah Omar dan Fatin Nur Aqilah Mashar yang membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000, trofi serta sijil.

Dua lagi pelajar PSA, Puteri Jamirah Abd Rahim (Diploma Perniagaan Anfarabangsa) dan Muhammad Musleh Anuar (Diploma Kejuruteraan Mekanikal) pula menerima hadiah wang tunai RM500, trofi serta sijil menerusi produk Nail Puncher.

Tingkat produktiviti Ketua Unit Keusahawanan PSA, Rozita Halina Rosli, berkata produk dibangunkan itu adalah idea perniagaan yang sangat berpotensi untuk dikembangkan.


“Press Satay Millennium adalah produk mem-

dahkan pengusaha untuk mencucuk sate. Mesin ini dapat meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos tenaga kerja, tidak menggunakan elektrik dan mudah dikendalikan.


“Nail Puncher pula membantu kerja memaku pada pelbagai jenis permukaan secara efisien dengan hasil yang kemas, selain dijamin 100 peratus selamat digunakan,” katanya.

Peserta PSA terbabit mendapat bimbingan teknikal daripada pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Noorazlan Mohd Shamsuddin, manakala pegawai Unit Keusahawanan, Roslina Ahmad dan Norliza Ab Halim pula memberi khidmat nasihat pembangunan rancangan perniagaan.

Produk Press Satay Millennium dapat memudahkan pengusaha melakukan kerja mencucuk sate.



Produk Nail Puncher membantu kerja memaku pada pelbagai jenis permukaan secara efisien.



Naib johan Pertandingan Rancangan Perniagaan ceria menerima hadiah kemenangan



Puteri Jamirah dan Muhammad Musleh memenangi tempat ketiga Pertandingan Rancangan Perniagaan pada program 3KBN@UMT 2017.